

Anwar kecam serangan di Sydney

Kuala Lumpur: Malaysia berdiri teguh bersama Australia bagi menyokong sepenuhnya usaha bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab terhadap serangan ganas di Sydney, kelmarin, dibawa ke muka pengadilan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengecam sekeras-kerasnya serangan itu berkata, tiada sebarang justifikasi boleh membenarkan keganasan yang menyasarkan orang awam, apatah lagi apabila dilakukan berdasarkan perbezaan kaum atau agama.

“Malaysia berdiri teguh bersama rakyat dan kerajaan Australia dalam menghadapi saat

sukar ini serta menyokong sepenuhnya segala usaha bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab dikenal pasti dan dibawa ke muka pengadilan mengikut lunas undang-undang.

“Tindakan sedemikian tidak berlandaskan mana-mana kepercayaan atau pegangan agama,” katanya menerusi kenyataan di media sosial.

Sehingga semalam, sekurang-kurangnya 16 orang dilaporkan maut, termasuk seorang penyerang selepas insiden tembakan di Pantai Bondi, Sydney, kelmarin.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga

mangsa dan berharap supaya semua yang cedera diberikan kesembuhan sepenuhnya.

“Saya amat terkejut dan berduka cita dengan serangan ganas di Sydney yang meragut nyawa orang awam tidak berdosa serta mencederakan ramai pihak lain. Saya mengecam sekeras-kerasnya perbuatan ini.

“Saya merakamkan ucapan takziah mendalam kepada keluarga mangsa dan mendoakan supaya semua yang cedera diberikan kesembuhan,” katanya.

16 maut serangan berdarah di Pantai Bondi - Dunia 26